

Aktiviti: Stir-The-Class: Ukuran dan Sukatan

Arahan:

- 1 Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
- 2 Setiap kumpulan duduk dalam bulatan.
- 3 Setiap kumpulan diberikan satu pernyataan masalah.
- 4 Ahli kumpulan berbincang penyelesaian masalah dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh guru.
- 5 Apabila sudah mendapat satu penyelesaian, murid berdiri bahu ke bahu untuk menunjukkan persetujuan.
- 6 Penyelesaian dicatatkan dalam kertas penyelesaian masalah.
- 7 Apabila loceng dibunyikan, ahli yang nombornya dipanggil bergerak ke kumpulan baharu untuk soalan yang berikutnya.

Contoh masalah:

Seutas dawai berukuran 60 cm digunakan untuk membuat rangka sebuah poligon sekata. Jumlah jisim dawai itu ialah 20 g. Semua dawai itu digunakan. Apakah poligon sekata yang boleh dibentuk? Nyatakan nama poligon sekata itu serta panjang dan jisim setiap sisi poligon itu.

Contoh aktiviti:

Penyelesaian pertama		Penyelesaian kedua	
Nama poligon: _____		Nama poligon: _____	
Panjang sisi dawai (cm)		Panjang sisi dawai (cm)	
Jisim sisi dawai (g)		Jisim sisi dawai (g)	

Penyelesaian ketiga	
Nama poligon: _____	
Panjang sisi dawai (cm)	
Jisim sisi dawai (g)	